

JABATAN AKAUNTAN NEGARA
PANDUAN MENGISI BORANG
JADUAL PENUKARAN KOD PROGRAM/ AKTIVITI
JAN/ MD 018B

1. Pengenalan

- a. Jadual Penukaran Kod Program/ Aktiviti (JAN/MD 018B) perlu disediakan sekiranya sesuatu kod program/ aktiviti telah dibatal atau telah ditukar bagi kegunaan perakaunan dalam tahun kewangan baru.
- b. Jadual penukaran hanya boleh dibuat antara satu **kod** program aktiviti **lama** dengan satu **kod** program/ aktiviti **baru** sahaja.
- c. **Penting** – Borang ini perlu disediakan jika **kod** program/ aktiviti 2008 dan 2009 adalah berlainan manakala maksud perihal adalah tidak berubah.

2. Penyediaan

Medan yang perlu diisi oleh Kementerian/ Jabatan (Kem/ Jab):

1. **Kementerian/ Jabatan**
Catatkan nama Kem/ Jab seperti yang terdapat di dalam senarai kod Kem/ Jab yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara (JAN).
2. **Kod Kementerian/ Jabatan** (Tahun semasa dan tahun baru)
Catatkan kod Kem/ Jab berpandukan senarai di **Lampiran A**.
3. **Perihal Program/ Aktiviti** (Tahun semasa)
Catatkan perihal program/ aktiviti bagi tahun semasa.
4. **Kod Vot Prog/ Akt** (Tahun semasa)
Catatkan kod vot dan diikuti kod program/ aktiviti bagi tahun semasa. Contohnya, B10 010100.
5. **Kod Vot Prog/ Akt** (Tahun baru)
Catatkan kod vot dan diikuti kod program/ aktiviti bagi tahun baru.
6. **Perihal Program/ Aktiviti** (Tahun baru)
Catatkan perihal program/ aktiviti bagi tahun baru.
7. **Untuk Pengesahan**
Sila tandatangan dan catatkan nama, nombor telefon dan alamat e-mel dengan jelas untuk memudahkan pengesahan dan perhubungan.